

08/11/2003

Politiking boleh jejas persiapan pilihan raya

NASIHAT Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya segenap peringkat pemimpin Umno mengamalkan pendekatan permuafakatan dan mengurangkan politiking, harus diamati demi kebaikan bersama. Barisan kanan kepemimpinan Umno, termasuk Menteri Besar, Ketua Menteri, pemimpin bahagian dan cawangan harus menerima hakikat perpaduan parti adalah penting, malah ia menjadi lebih penting lagi berikutan peralihan kuasa daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima dan juga Pemangku Presiden Umno. Beliau dengan jelas mengingatkan perlunya politiking dihentikan segera, terutama menjelang pilihan raya akan datang.

Dengan gayanya yang tenang, Abdullah jelas lebih menumpukan kepada isu pilihan raya sambil mengingatkan betapa semua pihak terutama Menteri Besar dan Ketua Menteri memastikan setiap projek kerajaan tidak terbengkalai atau tertanggung bagi menjamin rakyat yakin akan kemampuan kerajaan membantu dan menjaga kepentingan mereka. Perdana Menteri turut menggesa semua terbabit supaya bekerja kuat sebagai persiapan menghadapi pilihan raya bagi menjamin Umno dan Barisan Nasional menang besar. Dalam pada itu, beliau juga mengingatkan perlunya Umno memikat lebih ramai golongan muda dan intelektual menganggotai dan mendekatinya bagi mengukuhkan lagi jentera parti.

Tidak syak lagi perpaduan Umno yang tidak utuh, barisan pemimpin yang berbalah dan terlalu banyak bercakaran selain terkenal semata-mata kerana hebat dalam politiking boleh menggugat parti. Ini berlaku apabila pemimpin lebih asyik dan sibuk melobi untuk mendapatkan projek, tender dan memburukkan satu sama lain dalam merebut kedudukan pada peringkat bahagian dan cawangan. Sengketa sesama sendiri itu mungkin bertambah hangat dan hebat lagi apabila ia membabitkan kalangan lebih tinggi dalam hierarki Umno hingga menjejas persepakatan dan dianggap berpecah belah oleh lawan terutama pembangkang sedangkan rakyat menjadi bosan.

Kegiatan politiking yang tidak disekat dan akhirnya mencapai tahap melampau boleh menyebabkan lahirnya puak dalam Umno. Jika ini berlaku, ia adalah perkembangan paling merugikan dan melemahkan Umno. Sehubungan inilah Abdullah mahu ia dikurangkan. Memang tidak dinafikan jika pemimpin parti lebih berminat menjaga kepentingan sendiri dan puak mereka saja, persediaan menghadapi pilihan raya akan terjejas. Dalam keadaan begini pihak lawan akan mengambil kesempatan hingga menyebabkan Umno berputih mata. Inilah yang harus dielakkan dan sebab itu nasihat Abdullah patut dipatuhi oleh semua yang cintakan Umno, bangsa dan negara.